



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

SEMPENA
MAJLIS ULANG TAHUN SSM YANG KE-19 DAN
PELANCARAN KEMPEN
‘USAHAWAN BIJAK, USAHAWAN BERDAFTAR’

PADA
16 APRIL 2021 (JUMAAT)

TEMPAT
AUDITORIUM TUN DR, SITI HASMAH, ARAS 10
MENARA SSM@SENTRAL

Terima kasih Pengacara Majlis;

Salutasi

Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah sudi menjemput saya untuk bersama-sama meraikan Majlis Sambutan Ulang Tahun SSM yang ke-19 dan pelancaran kempen '**Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar**'.
2. Meskipun pada waktu ini seluruh umat Islam sedang menjalani ibadah puasa bulan Ramadhan, SSM tetap memberikan komitmen untuk melaksanakan majlis sambutan ulang tahun dengan persiapan yang cukup membanggakan. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga SSM di atas kesungguhan yang ditunjukkan melalui penganjuran majlis ini.

Warga SSM dan hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Sebentar tadi, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP merangkap

Pengerusi SSM telah menceritakan kepada kita mengenai sejarah ringkas penubuhan SSM. Dapat saya fahami bahawa tidak mudah untuk SSM sampai ke tahap ini. Segala kejayaan dan pencapaian yang telah dilakar sepanjang tempoh penubuhannya, sudah pasti berteraskan komitmen dan semangat kental seluruh warga SSM terdahulu dan sekarang yang menyumbang keringat tanpa mengenal erti putus asa.

4. Hasilnya, dalam tempoh usia penubuhan yang kurang daripada 20 tahun, SSM bukan sahaja mampu berdiri megah seiring dengan agensi-agensi kerajaan lain yang lebih senior, tetapi juga mampu menjadi sebuah agensi yang turut dikenali dan disegani di peringkat antarabangsa. Sama-sama kita berikan tepukan yang paling gemuruh buat SSM di atas kejayaan cemerlang yang telah dikecapi sepanjang 19 tahun ini.
5. Walau bagaimanapun, realiti semasa jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan perlu disampaikan dengan cepat, tepat dan berintegriti dalam memenuhi kehendak kumpulan sasaran. Kejayaan memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan bergantung kepada kreativiti dan inovasi dalam menerokai pendekatan baru.

6. Justeru, saya berbangga melihat SSM sentiasa mendepani realiti dunia perniagaan yang pantas berubah dan berkembang, serta dapat memenuhi tuntutan pihak berkepentingan yang sentiasa mengharapkan tahap perkhidmatan yang terbaik.

Warga SSM dan hadirin yang saya kasihi sekalian,

7. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, negara sedang menghadapi situasi ekonomi yang agak mencabar pada waktu ini akibat penularan wabak COVID-19, yang mencetuskan krisis kesihatan sedunia dan krisis ekonomi pada skala yang tidak pernah dialami di peringkat global sejak tahun 1930-an.
8. Keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong Kerajaan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mendepani cabaran dan mengurangkan impak COVID-19. YAB Perdana Menteri juga di dalam ucapannya sewaktu melancarkan **Program Strategi Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)** baru-baru ini turut mengulangi komitmen Kerajaan untuk melakukan apa sahaja yang diperlukan bagi menjamin kesejahteraan rakyat, memastikan kelangsungan perniagaan dan menyokong pemulihan ekonomi.

9. Sebagai Menteri PDNHEP, saya amat berbesar hati dan berbangga terhadap SSM yang sentiasa cakna terhadap keperluan semasa dengan menyediakan pelbagai inisiatif bagi menyokong agenda kerajaan. Hasilnya, SSM berjaya memperkenalkan sebanyak **11 inisiatif pada tahun 2020** dan **9 inisiatif pada tahun 2021** ini. Daripada inisiatif tersebut, **tiga (3) daripadanya turut diumumkan di dalam agenda PEMERKASA yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri.**

10. **Inisiatif pertama SSM** di dalam agenda PEMERKASA, SSM menaikkan nilai ambang semasa keterhutangan (indebtedness) di bawah Seksyen 466 Akta Syarikat 2016 dari RM10,000 ke RM50,000 sehingga 31 Disember 2020, beserta tempoh untuk menjawab notis tuntutan oleh sesebuah syarikat juga dipanjangkan kepada enam bulan berbanding tempoh 21 hari.

11. Setelah mengambil kira ketidakpastian keadaan ekonomi global dan dalam negara berikutan kesan pandemik COVID-19, SSM juga telah mengumumkan bahawa nilai ambang keterhutangan syarikat yang dinaikkan kepada RM50,000 berkuat kuasa 1 April 2021 lalu sebagai satu nilai ambang baharu yang kekal.

12. **Inisiatif kedua**, SSM menawarkan kemudahan pendaftaran perniagaan percuma kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepenuh masa yang ingin menceburi bidang keusahawanan.
13. Inisiatif ini merujuk kepada Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang dilancarkan pada 23 Disember 2020 lalu untuk membantu lebih ramai golongan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 bagi menceburkan diri dalam bidang perniagaan.
14. **Inisiatif ketiga** pula, SSM menawarkan bantuan kepada golongan OKU untuk mendaftar dan memperbaharui perniagaan mereka dengan SSM secara percuma sebagai galakan buat golongan OKU untuk menceburi bidang perniagaan.
15. Inisiatif ini merujuk kepada Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1OKU1P) yang telah diperkenalkan pada 23 Oktober 2012 dengan nama Insentif OKU 2012 sebelum dijenamakan semula kepada S1OKU1P pada 5 Januari 2017. Melalui S1OKU1P, golongan OKU boleh mendaftar dan memperbaharui pendaftaran perniagaan

dengan SSM secara percuma. Sehingga **31 Mac 2021**, sebanyak **13,111** perniagaan telah didaftarkan di bawah S1OKU1P.

16. Tidak cukup dengan itu, SSM terus komited untuk membantu meringankan beban komuniti perniagaan dengan melaksanakan inisiatif melanjutkan pengecualian kompaun atas kelewatan memperbaharui pendaftaran perniagaan dan kelewatan mendaftarkan perniagaan baharu di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 sehingga 31 Disember 2021 yang akan memberi manfaat kepada lebih **330,000 komuniti perniagaan**.
17. Inisiatif ini telah saya umumkan pada 30 Mac 2021 lalu, sebagai lanjutan daripada pelaksanaan pengecualian kompaun atas kelewatan memperbaharui perakuan pendaftaran perniagaan yang dilaksanakan mulai 17 Mac 2020, hingga 31 Disember 2020 sebelum dilanjutkan lagi sehingga 30 Jun 2021.
18. Saya yakin dan percaya bahawa semua inisiatif yang diperkenalkan dapat memberi implikasi yang positif dan komprehensif bagi memastikan entiti perniagaan terus berdaya maju, diberikan perlindungan secukupnya,

sekaligus terus beroperasi dalam tempoh pasca pandemik COVID-19. Tahniah sekali lagi buat SSM!

Warga SSM dan hadirin yang saya kasihi sekalian,

19. Sepertimana kita semua sedia maklum, pada sambutan ulang tahun SSM yang ke-19 kali ini, SSM turut memperkenalkan sebuah kempen yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2021 menerusi satu slogan yang sangat signifikan ke arah melahirkan para usahawan yang beretika dan dipercayai iaitu, **'Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar'**.
20. Kempen ini diperkenalkan sebagai salah satu kaedah untuk menggalakkan orang ramai khususnya para peniaga untuk mendaftarkan perniagaan. Ini kerana, semua perniagaan perlu berdaftar dengan SSM sama ada di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja atau di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.
21. Peruntukan ini tidak hanya merujuk kepada aktiviti perniagaan yang dijalankan secara konvensional, tetapi turut merangkumi aktiviti perniagaan yang dijalankan

secara dalam talian (online). Dengan perniagaan secara sah, para pengguna dapat dilindungi dan mengurangkan risiko daripada ditipu serta memberi jaminan kepada pembeli agar mereka lebih yakin untuk menjalankan aktiviti urusniaga.

22. Buat peniaga berdaftar, mereka pula **berpeluang untuk mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan atau bantuan kewangan dan latihan kemahiran yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan.** Di samping itu juga, para usahawan dapat memperoleh pelbagai faedah lain yang ditawarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa seperti **Geran Khas Prihatin (GKP)** dan sebagainya.
23. Melalui kempen ini, SSM menyeru kepada seluruh usahawan terutamanya usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa agar segera memanfaatkan SPPP yang menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma, sebagai langkah pertama ke arah menjadi seorang usahawan yang berkredibiliti dan berjaya.
24. Selain itu, saya turut teruja dengan pelbagai pengisian menarik yang telah direncanakan pada hari ini. Dalam usaha memeriahkan sambutan pada hari ini, saya turut

mengucapkan terima kasih kepada SSM dan seluruh warga kerja yang terlibat kerana dapat menjayakan program ini mengikut SOP yang sewajarnya ke arah memastikan objektif penganjuran dapat dicapai disamping dapat menghindar daripada berlakunya penularan wabak COVID-19.

25. Saya sangat menyokong pendekatan SSM yang turut berkongsi rezeki melalui agihan zakat korporat dan peruntukan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada golongan yang memerlukan di seluruh negara termasuklah rumah-rumah kebajikan yang diraikan pada hari ini. Saya turut difahamkan bahawa pada tahun 2020, SSM telah membelanjakan sebanyak **RM3.6 juta** peruntukan zakat korporat dan **RM242,500 peruntukan CSR** untuk membantu golongan-golongan yang memerlukan. Saya berharap agar SSM bertambah maju jaya pada masa hadapan serta dapat meneruskan usaha murni ini.

Warga SSM dan hadirin yang saya kasihi sekalian,

26. Melalui penganjuran majlis pada hari ini, SSM berjaya membuktikan bahawa wabak COVID-19 dan SOP yang diperkenalkan oleh Kerajaan bukanlah penghalang untuk

kita melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan. Dengan persiapan yang rapi dan menitikberatkan pengurusan risiko yang betul, sebarang penganjuran program yang dibenarkan dapat dilaksanakan dengan efisien bagi mencapai objektif yang disasarkan.

27. Sebagai mengakhiri ucapan, saya berharap agar SSM dapat meneruskan momentum kecemerlangan dan terus memandang ke hadapan untuk membawa perubahan dalam era Revolusi Industri 4.0. SSM dapat memanfaatkan kepakaran yang ditimba daripada pengalaman lalu untuk sentiasa menambah baik perkhidmatan, membangun perkhidmatan baharu serta melestarikan perkhidmatannya.
28. Pada kesempatan ini, saya sekali lagi ingin menzahirkan penghargaan saya di atas segala usaha yang telah dilaksanakan oleh seluruh warga kerja SSM dahulu dan sekarang. Teruskanlah tanggungjawab anda semua dengan penuh dedikasi, kreatif dan berintegriti ke arah memastikan kelestarian persekitaran perniagaan di negara ini dapat dipertingkatkan untuk kebaikan bersama.

29. Kepada seluruh warga SSM dan hadirin yang beragama Islam, saya ucapkan selamat menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan.

30. Dengan ini, secara rasminya saya melancarkan kempen **'Usahawan Bijak, Usahawan Berdaftar'** sempena Sambutan Ulangtahun SSM yang ke-19.

Sekian, terima kasih.